# X-PLORE HERITAGE KLANG

Hari Klang Tanpa Kenderaan

Klang Car Free Day

# JEJAK WARISAN REMAJA KLANG 2022

*sempena Majlis Perbandaran Klang 132 Tahun*

**6 November 2022 / Ahad**

**7.30 Pagi**

**Laman Seni Safari**

**3 orang sepasukan**

penyertaan terbuka kepada **25 kumpulan** sahaja

*Scan QR Kod dibawah untuk pendaftaran*

SCAN ME

**JOHAN**
**RM300 + Sijil**

**NAIB JOHAN**
**RM200 + Sijil**

**KETIGA**
**RM150 + Sijil**

Sebarang pertanyaan boleh hubungi :

Urus Setia Program,
Jabatan Komunikasi Korporat,
Majlis Perbandaran Klang Caw. Jalan Tengku Kelana
41000 Klang

Puan Roshayati : 0192207671
Cik Ku Hidayah : 03-33758069

99 SPEEDMART

# X-PLORE HERITAGE KLANG- JEJAK WARISAN REMAJA KLANG 2022

## LALUAN PEJALAN KAKI & LALUAN BASIKAL

Perjalanan adalah sejauh lebih kurang 3 KM dan masa yang akan diambil kira-kira 2 jam 30 minit.

## KELAYAKAN DAN YURAN PENYERTAAN

1. Terbuka kepada Remaja berumur 16 – 25 tahun warganegara Malaysia serta sihat tubuh badan.
2. Jumlah peserta bagi setiap pasukan adalah TIGA (3) orang dan setiap pasukan wajib mempunyai komposisi campuran jantina antara lelaki dan perempuan.

## PENDAFTARAN DAN TAKLIMAT

1. Setiap pasukan hendaklah mengisi borang pendaftaran dan menandatangani pengakuan penyertaan. Borang penyertaan yang lengkap hendaklah dihantar bersama-sama yuran penyertaan kepada pihak penganjur pada **5 November 2022**
2. Pasukan yang tidak hadir di sesi taklimat sebelum jam 8.00 pagi akan dibatalkan penyertaannya.
3. Semua peserta perlu hadir di tempat pelepasan di ***Laman Seni Safari, Jalan Stesen Klang pada jam 7.30 pagi. Pelepasan akan bermula pada jam 8.00 pagi 6 November 2022***

## FORMAT ACARA

1. Semua pasukan diingatkan untuk mematuhi syarat-syarat dan undang-undang trafik semasa di jalan raya dan peraturan pertandingan yang ditetapkan oleh pihak penganjur pada setiap masa sepanjang pertandingan ini berlangsung;
2. Arah tuju lokasi “X-Plore Heritage Klang” adalah berpandukan “clue” (soalan) dan peta yang akan diberi di permulaan acara dan tempat-tempat yang ditetapkan pihak penganjur;
3. Setiap ahli dalam pasukan akan diberikan “X-Plore Heritage Klang Check Point Card” dan setiap lokasi/ check point yang ditemui berdasarkan “clue” yang diberikan perlu dapatkan bukti penemuan daripada pegawai bertugas di setiap check point.
4. “X-Plore Heritage Klang Check Point Card” yang lengkap hendaklah diserahkan kepada pegawai petugas di check point terakhir di bangunan Galeri Diraja Klang.
5. Setiap ahli dalam pasukan perlu melengkapkan “X-Plore Heritage Klang Check Point Card” yang diberikan.

## SISTEM PEMBERIAN MARKAH DAN PENENTUAN PEMENANG

1. Penentuan pemenang akan dibuat oleh jawatankuasa penganjur berdasarkan ciri penilaian dari segi:
   a) **Setiap jawapan yang tepat dan lengkap (Check Point Card")**
   b) **Kecepatan masa;**
   c) **Kerjasama pasukan; dan lain-lain**
2. Keputusan pertandingan yang diumumkan oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

## HADIAH DAN SIJIL

1. Hadiah Pertandingan adalah seperti berikut:
   a) **Johan : RM300.00 + Sijil**
   b) **Naib Johan : RM200 + Sijil**
   c) **Ketiga : RM150.00 + Sijil**
2. Setiap peserta akan diberikan Sijil penyertaan dan T-shirt

## HAL-HAL LAIN

Penganjur berhak:

a) Menolak sebarang penyertaan samada semasa atau selepas menerima permohonan;

b) Melarang atau membatalkan mana-mana ahli pasukan menyertai mana-mana pasukan;

c) Tidak melayakkan mana-mana pasukan yang didapati bersalah iaitu;

   I. **Melanggar peraturan acara, undang-undang jalanraya dan trafik;**

   II. **Berpakat untuk menipu dalam apa cara; Memberi maklumat tidak tepat/palsu;**

   III. **Gagal menyempurnakan acara dalam tempoh masa yang ditetapkan.**

d) Peraturan-peraturan ini boleh ditambah atau dipinda mengikut budi bicara Jawatankuasa Penganjur. Peraturan atau syarat tambahan atau pindaan akan dimaklumkan oleh pihak penganjur semasa taklimat sebelum perlepasan. Interpretasi serta keputusan mengenai acara adalah hak penganjur dan peserta adalah tertakluk kepada keputusan tersebut;

e) Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap risiko seperti kemalangan, kerugian dan sebagainya kepada mana-mana peserta sebelum, semasa atau selepas pertandingan ini atau disebabkan pertandingan ini;

## PENGANJUR

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

**Urus Setia Program, Jabatan Komunikasi Korporat,**
**Majlis Perbandaran Klang Caw. Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang.**
**Tel : Puan Roshayati (0192207671)/Cik Ku Hidayah - 03-33758069**